

PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]**

TARIKH : **12 MAC 2015**

SOALAN : **Y.B. TUAN WONG LING BIU** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk menangani masalah ekstremisme perkauman dan agama yang berleluasa di negara ini. Adakah Perdana Menteri sendiri masih memegang prinsip dan slogan **SATU MALAYSIA** untuk merealisasikan matlamat perpaduan antara semua kaum dalam negara ini.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Adalah menjadi aspirasi dan diharap ia akan menjadi realiti bahawa setiap warganegara Malaysia keseluruhannya boleh hidup dalam suasana mesra, bersatupadu, bekerjasama dan saling hormat menghormati antara satu dengan yang lain, tanpa mengira kaum, agama dan latar belakang sosio-ekonomi. Suasana seperti ini akan memudahkan usaha untuk membangunkan Negara ke tahap yang

lebih tinggi, sempurna dan setanding dengan negara-negara maju yang lain. Namun, hakikatnya Kerajaan menghadapi pelbagai cabaran untuk merealisasikan aspirasi tersebut. Walau pun kesepaduan sosial (*social cohesion*) itu telah sekian lama terjalin dan wujud, namun masih terdapat segelintir masyarakat yang sengaja mempersoalkan mahupun mempertikaikan perkara-perkara tertentu yang boleh menjadi penyumbang kepada terjejasnya perhubungan antara kaum di Negara ini. Malah, terdapat juga segelintir individu yang terlibat dengan gerakan ekstrem tanpa memikirkan implikasinya kepada diri, keluarga, masyarakat dan Negara.

Bagi membendung masalah ekstremisme perkauman dan agama, Kerajaan sentiasa berusaha menyatupadukan masyarakat melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), beberapa agensi kerajaan yang lain, malah ia turut disokong dan digembeling oleh syarikat swasta, pertubuhan serta badan-badan bukan Kerajaan (NGO).

Pertama, kerajaan melalui JPNIN telah menubuhkan Majlis Konsultansi Perpaduan Negara (MKPN) yang berperanan mewujudkan Pelan Tindakan Perpaduan Negara di mana ianya akan menggariskan tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan demi menjaga keharmonian dan keamanan negara.

Kedua, kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Mempromosikan Kefahaman Agama (JKMPKA) yang turut memainkan peranan penting dengan mengadakan beberapa siri dialog dan perbincangan diantara ketua-ketua penganut agama bagi membincangkan isu-isu berkaitan masalah ekstremisme perkauman dan agama yang berleluasa di negara Ini. Jawatankuasa ini diharap dapat membantu

menyebarkan dasar-dasar kerajaan dalam meningkatkan agenda perpaduan serta menjadi contoh terbaik kepada rakyat seluruhnya.

Ketiga, kerajaan juga telah memperkenalkan pendekatan wasatiyyah (kesederhanaan) untuk dijadikan asas dalam pentadbiran Negara di mana pendekatan ini menolak sifat taksub, fanatik dan fahaman melampau yang seterusnya boleh mengganggu keharmonian dan keamanan negara.

Malah kerajaan yakin dan percaya, sekiranya semua pihak bekerjasama dan turut mengamalkan nilai-nilai kesederhanaan dan melaksanakan tanggungjawab untuk memelihara perpaduan, maka keharmonian dan kesejahteraan masyarakat dapat dipelihara. Disinilah perlunya semua pemimpin politik dan masyarakat yang seharusnya memainkan peranan mereka. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat mana-mana aktiviti yang menjejaskan secara serius sensitiviti dan ketenteraman awam yang merentas semua kaum, bangsa dan agama, kerajaan tidak teragak-agak mengambil tindakan yang tegas untuk mengawal keadaan.

Keempat, kerajaan melalui pendekatan pendidikan dan pendampingan kepada rakyat. Kumpulan yang terdiri daripada kanak-kanak, remaja, belia, wanita, golongan warga emas, pelajar sekolah, mahasiswa universiti dan kumpulan agama pelbagai kaum adalah sasaran utama kerajaan merealisasikan usaha jangka panjang membendung kecenderungan ideologi extremismisme dan perkauman.

Dasar Gagasan 1Malaysia yang dibawa oleh YAB Perdana Menteri sejak April 2009 sehingga kini adalah bertujuan untuk memupuk persefahaman dan perpaduan secara lebih jitu dan rapat lagi, dengan penekanan dan menyerapkan sikap menerima dan menghormati kepelbagaian masyarakat Malaysia yang majmuk, di samping memantapkan komitmen supaya Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan melalui Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi untuk semua. Dasar Gagasan 1Malaysia yang di bawa ini secara langsung atau tidak langsung telah berjaya meningkatkan kesedaran dan komitmen rakyat terhadap betapa pentingnya untuk saling menghormati dan mengeratkan perhubungan kaum di negara ini.

Selain itu, kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) sebagai agensi yang ditugaskan untuk menjalankan aktiviti berteraskan 1Malaysia turut memacu langkah ke arah penyebaran maklumat 1Malaysia kepada rakyat pelbagai kaum dengan tujuan mencapai matlamat Perpaduan Nasional.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **LISAN**
- DARIPADA** : **DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN]**
- TARIKH** : **12 MAC 2015 (KHAMIS)**
- SOALAN** : **Dato' Othman bin Aziz** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah pelan tindakan Kementerian bagi membantu golongan petani yang terjejas akibat bencana banjir 2014 dan berapakah jumlah kerugian yang melibatkan sektor pertanian negara dalam tempoh bencana berkenaan.

JAWAPAN:**Tuan Yang Dipertua,**

Kejadian banjir luar biasa yang berlaku baru-baru ini di beberapa buah negeri turut menjejaskan sektor pertanian. Anggaran nilai kerugian bagi aset dan infrastruktur pertanian adalah sebanyak RM105,033,000.00. Manakala anggaran kerugian bagi hasil pertanian adalah sebanyak RM152,940,746.23 yang melibatkan seramai 32,749 orang petani, penternak, pengusaha akuakultur dan industri asas tani. Jumlah keseluruhan anggaran kerugian sektor pertanian adalah sebanyak RM257,973,746.23.

Bagi bantuan jangka masa pendek, Kementerian telah menyediakan

bantuan wang ihsan kepada golongan sasaran iaitu petani, penternak, pengusaha akuakultur dan industri asas tani melalui peruntukan Tabung Bantuan Bencana Agromakanan untuk membantu mereka memulakan semula aktiviti pertanian. Manakala, bagi tempoh jangka masa panjang, Kementerian telah menerima peruntukan sebanyak RM50 juta bagi tahun 2015 untuk membaik pulih tiga (3) jenis infrastruktur yang terjejas akibat bencana banjir iaitu membaiki jalan ladang, membaiki infrastruktur pengairan dan saluran serta membaiki infrastruktur bangunan dan aset pertanian. Bagi membaiki infrastruktur yang lain, permohonan peruntukan akan dibuat dalam Rancangan Malaysia Ke-11.